

VOLUME III
SERIES II
OCTOBER 2022

arte

Art and Expression

ART + COMMUNITY

EDUCATION



© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2022

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No eISSN: 2805-5071

Cover Design: Nur Muhammad Amin Bin Hashim Amir
Typesetting : Syed Alwi Bin Syed Abu Bakar (Dr.)¹
Aznan Bin Omar (Dr.)²

E

Editorial Board

PATRON OF HONOR

Professor Sr Dr Md Yusof Hamid AMP
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

ADVISOR

Dr Zainudin Md Nor
(Head of the Faculty, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHAIRMAN

Dr Aznan Omar¹
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Dr Hamidi Hadi²
(Program Coordinator, Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF EDITORS

Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar¹
(Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Dr Aznan Omar²
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

EDITORS

Dr Hamidi Hadi
Pn Noor A'yunni Muhamad
Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad
En Noor Enfendi Desa
Dr Azian Tahir
En Mahizan Hijaz Mohammad
Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
En Muhammad Salehuddin Zakaria
Pn Hairulnisak Merman
En Anwar Fikri Abdullah
En Nur Muhammad Amin Hashim Amir

SECRETARY

Pn Noor A'yunni Muhamad¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

TREASURER

En Noor Enfendi Desa
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF PANEL REVIEW

Dr Azian Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF TRANSLATOR

En Mahizan Hijaz Mohammad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DOCUMENTATION

Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

LEAD PROMOTER

En Muhammad Salehuddin Zakaria
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF TECHNICAL

Pn Hairulnisak Merman¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Anwar Fikri Abdullah²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

LEAD DESIGNER

En Nur Muhammad Amin Hashim Amir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

COMMITTEE MEMBER

Cik Afina Zalifah Zat Azeni
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

ESTETIKA STRUKTUR COVID-19 DALAM EKSPERIMENTASI ARCA MINIATUR PELAJAR

a chapter by

MOHD ZAMRI BIN AZIZAN, MUHAMMAD HAIKAL NAJDMIE BIN HAIRUL NIZAM & AINUL MARDHIAH BINTI
AHMAD FAUZI

Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Kedah



Abstrak

Umum sudah kembali tenang setelah mengharungi fasa demi fasa gelombang Covid-19 yang perit sejak beberapa tahun yang lepas. Covid-19 dilihat sebagai pembunuh ngeri yang subjektif namun nilai estetik pada struktur Covid-19 yang unik dan kompleks ini juga adalah merupakan satu legasi sehingga mencetus ilham kepada pengkarya dan pereka seluruh dunia untuk menzahirkan pernyataan seni yang baru dalam penghasilan karya seni dan reka bentuk. Isu kontemporari Covid-19 ini juga secara tidak langsung memberi ilham dan inspirasi untuk membentuk tema tugas terkini para pelajar khususnya dalam eksperimentasi dan eksplorasi bentuk dan media yang akan diaplikasi dalam arca miniatur. Visi dan misi dengan terhasilnya arca miniatur ini juga disasarkan dapat memberi cetusan idea dan inspirasi baru kepada pengkarya seni di luar sana agar lebih banyak karya seni arca bertemakan Covid-19 dapat dihasilkan khusus untuk mewarnai kembali seni arca kontemporari tempatan.

Katakunci: *Covid-19, arca miniatur, eksperimentasi, estetika*

Pengenalan

Seni arca merupakan salah satu bentuk pengucapan seni dan kebiasaannya dalam berfizikal tiga dimensi (3D). Definisi arca berubah mengikut peredaran zaman dan ianya bukan hanya sekadar mengukir dan memodel tetapi di era moden ini lebih terbuka kepada apa jua bentuk yang melibatkan ruang tiga dimensi dengan teknik yang pelbagai seperti kimpalan, cantuman, jahitan, ketukan, lekatan dan sebagainya (Ocvirk 1994). Dalam mentakrif sesuatu arca memungkinkan

ianya perlu diapresiasi dari pelbagai sudut persepsi mengikut kadar pengamatan setiap pemerhati. Tiada sempadan dalam menzahirkan karya arca selagi pengkarya tersebut mempunyai paksi diri dan berani dalam menterjemahkan pernyataan seninya mengikut luahan rasa dan niat yang ingin dikongsi agar 'rasa' yang dipersembahkan itu sampai ke jiwa penonton.

Umum sedia maklum virus 'Covid-19' adalah merupakan suatu virus yang sangat berbahaya. Covid-19 merebak secara global dan tiada ketentuan bila ianya akan terus sifar dari muka bumi ini. Wabak yang berpaksi dari Wuhan, China ini boleh membawa maut jika sistem imunisasi tidak dapat bertahan lama (UPM, 2020). Covid-19 juga merupakan penyakit alaf baru yang mudah berjangkit tanpa mengenal lapisan usia mahu pun status quo. Pelbagai usaha dan kempen pengekangan Covid-19 masih lagi berterusan sehingga kini seperti poster, info grafik dan pelbagai lagi dari media cetak dan elektronik demi memberi peringatan kembali kepada masyarakat agar jangan terlalu leka dan perlunya ada kawalan diri dari segala segi walaupun Covid-19 dilihat kian menyusut dewasa ini. Kempen dan usaha murni untuk mengekang penularan virus ini secara tidak langsung turut menggamit pengkarya-pengkarya seni dunia untuk turut sama memberi sumbangan kesedaran melalui pernyataan seni hasil kupasan nilai dan sisi estetika yang berbeza terhadap struktur Covid-19 yang unik ini. Justeru ianya juga telah memberi inspirasi kepada tugas pelajar untuk turut sama bereksperimentasi dengan mengadaptasi tema 'Covid-19' dalam penghasilan arca. Arca miniatur yang dihasilkan ini secara keseluruhannya berkondisi semi mujarad dengan pengaplikasian media baru sebagai wadah seni.

Objektif Kajian

Penghasilan arca miniatur kontemporari ini adalah merupakan satu bentuk eksperimentasi seni para pelajar selain membuka minda tentang aspek elemen dan prinsip seni yang menjadi paksi kepada penggiat seni selama ini dalam penghasilan karya seni arca yang menjurus kepada kondisi tiga dimensi. Selain itu juga beberapa objektif lain dapat dikenalpasti agar projek ini berjaya diadaptasi dengan sempurna melalui butir-butir seperti berikut:

- Memberi pendedahan khusus kepada pelajar tentang disiplin-disiplin pembuatan arca melalui beberapa garis panduan
- Mengapresiasi dan mengeksplorasi nilai estetik struktur asal Covid-19 kepada bentuk baru yang lebih dinamik dan sisi yang berbeza semi mujarad
- Mengolah dan mengitar semula potensi bahan 're-found objects' dan menerapkan konsep 'waste to wealth'.

Metodologi Kajian

Menurut Richey dan Klein (2007), kajian reka bentuk merupakan kajian sistematik dengan bertujuan untuk mewujudkan asas empirikal bagi penciptaan produk dan alatan pengajaran dan bukan pengajaran yang baharu dimulakan dan dipertingkatkan. Rickey (1996) juga menyarankan dan membahagikan kajian reka bentuk seni kepada dua jenis:

- Kajian tentang pembangunan produk atau aspek tertentu yang melibatkan reka bentuk seni dan penilaian produk seni.
- Kajian tentang proses reka bentuk seni, pembangunan dan penilaian proses seni.


Perbezaan antara dua jenis kajian reka bentuk dan pembangunan seni diringkaskan oleh Rickey, Klein dan Nielson (2004) dalam Jadual.

Jadual 1: Prosedur Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan Seni

Aspek	Jenis 1	Jenis 2
	Semakan produk atau reka bentuk yang khusus, pembangunan produk/prototaip produk dan penilaian produk seni	Kajian terhadap proses melibatkan proses reka bentuk seni, pembangunan dan penilaian seni
Produk	Penilaian produk, pengajaran yang dipelajari daripada pembangunan produk tertentu	Penilaian prosedur, bentuk model reka bentuk seni, pembangunan dan situasi sokongan penggunaannya
	Rumusan khusus mengenai produk	Rumusan umum melibatkan proses dan prosedur

Berdasarkan maklumat hasil kutipan Gerald Cole (2004:13) dalam buku *Management Theory and Practice*, teori pengurusan klasik ini dikemukakan oleh Henri Fayol (1841-1925) telah menjelaskan bahawa beberapa prinsip yang dikemukakan menjadi asas kepada pengurusan dan boleh diaplikasikan di setiap organisasi. Prinsip-prinsip tersebut adalah pembahagian kerja, autoriti, disiplin, penyatuan arahan, penyatuan arah, imbuhan, pemusatan, rangkaian skala, tertib, ekuiti dan inisiatif. Proses pembuatan dan eksperimentasi arca miniatur ini juga telah diwujudkan satu kaedah yang terurus di mana pelajar-pelajar yang masih amat dalam penghasilan karya seni arca perlu menguji potensi media terlebih dahulu. Seterusnya turutan kaedah demi kaedah serta penekanan disiplin tertentu adalah seperti yang tertera pada Jadual 2.

Jadual 2: Prosedur Arca Miniatur Pelajar



Eksperimental media adalah merupakan satu operasi keseluruhan tugas ini bagi mencapai sesuatu objektif dan hasil yang berbeza. Para pelajar diberi kebebasan dalam menguji potensi media yang digunakan dan mengkaji dari aspek teknik yang ingin diaplikasi dalam pembuatan arca miniatur ini. Justeru untuk mencapai objektif dan hasil yang sempurna, para pelajar diberi panduan khusus melalui kaedah kualitatif. Menurut Denzin dan Lincoln (1994), penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara terfokus termasuk penggunaan pendekatan naturalistik (semulajadi) untuk menyelidiki sesuatu subjek. Kaedah kualitatif terhadap kajian ini juga akan merujuk kepada makna, konsep, takrifan, ciri-ciri, metafora, simbol dan huraian tentang sesuatu objek, konsep atau situasi sehingga mewujudkan analisis tertentu.

Analisis Kajian

Hasil dari eksperimentasi arca miniatur ini diambil secara rawak beberapa sampel untuk dijadikan post mortem terhadap kajian ini. Rajah 1, 2, 3 dan 4 menunjukkan proses dari lakaran awal sehingga karya akhir. Eksperimentasi dan eksplorasi media dan teknik yang sempurna dari para pelajar dapat dikenalpasti melalui ketelitian pembuatan sehingga mewujudkan kesan-kesan dan persepsi yang berbeza dalam mengungkapkan estetika struktur asal bentuk Covid-19. Jelas kelihatan perubahan dari satu fasa ke fasa yang lain sehingga menzahirkan satu arca miniatur berkondisi semi mujarad dan bertemakan Covid-19 yang belum lagi diterokai sebelum ini. Kejayaan para pelajar yang masih amatour mengubah keaslian bentuk Covid-19 kepada bentuk baru memungkinkan potensi yang lebih besar di luar sana sebagai pelapis penggiat seni tanahair suatu ketika nanti jika diberi pendedahan berterusan akan aspek bentuk dan makna seni yang tepat.


Analisis 1



Rajah 1: Sampel A

Berdasarkan Rajah 1: Sample A di atas pelajar berkenaan dapat menyempurnakan prosedur penghasilan yang dipertanggungjawabkan dengan sangat berkesan melalui transisi status visual Covid-19 yang baru. Status struktur Covid-19 yang baru ini juga ditambah nilai dengan pencahayaan agar potensi arca miniatur beliau ini dilihat berfungsi bukan hanya sebagai arca semata-mata malahan sebagai objek dekorasi hiasan rumah. Spike Covid-19 juga sengaja digayakan dengan timbulan tajam untuk memberi kualiti ekspresi yang lebih subjektif dalam pernyataan seni beliau.

Analisis 2



Rajah 1: Sampel B

Melalui Rajah 2: Sample B yang dihasilkan oleh pelajar yang berbeza pula dilihat wujudnya satu bentuk yang agak kompleks dalam mentafsir struktur asal Covid-19. Perbezaan persepsi dalam mentafsir bentuk dilihat begitu teliti melalui perincian olahan media yang dipilih sehingga menimbulkan kesan tekstur yang kasar secara keseluruhan. Bentuk sfera Covid-19 masih dikekalkan namun perubahan terhadap spike Covid-19 diubahsuai dengan aplikasi lapisan butang yang bertindan meninggi sebagai pelengkap. Garapan terhadap bentuk visual baru Covid-19 yang disajikan oleh beliau dapat menjelmakan satu persepsi baru dalam penerokaan seni tersendiri.

Analisis 3



Rajah 3: Sampel C

Secara khususnya analisis Rajah 3: Sample C yang dihasilkan oleh pelajar yang lain pula diambil secara rawak untuk dibincangkan kerana mempunyai aspek yang berbeza dalam percaturan media yang digunakan. Aplikasi prosedur pembuatan arca beliau melalui fasa demi fasa agak memakan masa disebabkan asas permulaan penghasilan yang dipilih adalah menggunakan media basah seperti papier mache yang perlu dikeringkan terlebih dahulu. Dekorasi seperti maze juga cuba diterapkan untuk memberi sentuhan visual baru agar lebih dominan dan menarik tumpuan penonton dalam mengapresiasi karya yang dipersembahkan. Gantian spike asal Covid-19 juga diberi nafas baru dengan potongan dadu dan ditebarkan ke seluruh bentuk asas arca ini tanpa menghilangkanan ciri-ciri asal struktur Covid-19 yang secara amnya sudah maklum di kalangan umum.

Analisis 4



Rajah 4: Sampel D

Justifikasi Rajah 4: Sample D yang dipilih dan digarap oleh pelajar yang lain dalam kumpulan yang sama pula mengungkapkan aspek ready-made dalam menginterpretasi karya. Bukan untuk mencari jalan pintas tetapi sekadar menguji potensi media melalui kreativiti tersendiri. Tidak salah rasanya mengeksplorasi dan bermain dengan media harian sekitar kita jika dapat membuahkkan satu visual dan sisi baru dalam menterjemahkan aspek seni yang tiada sempadan. Bentuk asas seperti sfera merah yang merupakan kiasan terhadap struktur Covid-19 ini dihasilkan dengan papier mache yang seperti biasa mengambil masa untuk dikeringkan. Elemen warna merah dipilih untuk memberikan sesuatu yang lebih dominan terhadap paksi keseluruhan arca agar mewujudkan kadar penegasan di mata penonton. Klip kertas diaplikasi secara maksima dan tersusun ke seluruh bentuk sebagai ungkapan spike Covid-19 dan merupakan pengakhiran proses bagi melengkapkan interpretasi karya ini dan sedia untuk paparan umum.

Justifikasi Eksperimentasi Media

Media merupakan salah satu komponen dalam teknologi pengajaran dan mempunyai pengaruh yang besar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ia merupakan satu alat atau bahan untuk menyampaikan maklumat, pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar (Yusuf, 1998). Selain itu media juga didefinisikan sebagai penyampai atau pembawa maklumat antara punca dengan penerima (Heinich et al, 1981). Pelbagai variasi media telah dipilih sendiri oleh pelajar-pelajar untuk pembuatan arca miniatur ini. Pilihan media-media tersebut adalah tertakhluk kepada pelajar-pelajar itu sendiri demi merasai pengalaman bereksperimentasi dan bereksplorasi dengan media yang digunakan. Ungkapan secara fizikal sahaja tidak memadai dan hanya menginterpretasi visual fizikal sahaja semata-mata dan tiada lisan untuk

dibincangkan. Justeru Jadual 3 telah merekodkan hasil eksperimentasi media para pelajar melalui pernyataan penghasilan dan pengalaman yang ditempuh semasa pembuatan arca melalui borang tertentu. Berdasarkan Jadual 3 juga boleh dirumuskan secara kolektif tiada kesukaran dan kesulitan dalam penggunaan media yang dipilih dan hanya beberapa isu kecil sahaja yang dapat dikenalpasti terutama pada Sampel C dan D kerana menggunakan media basah sebagai asas membentuk form pada permulaan penghasilan.

Jadual 3: Analisis aplikasi media pelajar dalam arca miniatur

Karya pelajar	Media asas	Ujian potensi media pilihan (ulasan pelajar)
Sampel A	Kertas kitar semula	Mudah dipotong dan dibentuk dengan sempurna
Sampel B	Butang	Aplikasi lekatan perlu ketelitian dan susunan yang teratur
Sampel C	Papier mache	Proses pembuatan yang ringkas dan mengambil tempoh masa untuk pengeringan
Sampel D	Papier mache & klip kertas	Proses pembuatan yang ringkas dan mengambil tempoh masa untuk pengeringan. Paduan media sokongan dapat menambah nilai

Perkembangan Idea Dan Transformasi Bentuk

Menurut Ronger E. Miller (1971) inovasi merupakan idea, amalan atau objek yang dianggap baru oleh seseorang. Spencer (1994) pula menjelaskan inovasi atau perkembangan idea ialah sesuatu yang dianggap baru dan lebih baik daripada yang lama oleh seseorang individu. Oldham dan Cuming (1996) pula menyatakan inovasi ialah kejayaan aplikasi pertama pada sesuatu produk atau proses. Perkembangan idea dan kadar transformasi juga adalah merupakan visi utama kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana keupayaan para pelajar dalam merubah dan memberi pernyataan seni yang baru melalui persepsi masing-masing. Beberapa responden diambil secara rawak di kalangan beberapa pensyarah seni UiTM Kedah untuk memberi ulasan terhadap status empat sampel yang dipilih sejak awal. Jadual 4 menunjukkan beberapa hasil penilaian terhadap arca pelajar melalui huraian responden yang pelbagai. Hasil

dari huraian responden ini didokumentasikan secara kolektif untuk melihat perbezaan pendapat melalui satu kesimpulan bagi setiap sampel. Huraian responden terhadap Sampel A menunjukkan kadar transformasi agak begitu ekstrim sehingga mencapai lebih daripada 50% kadar perubahan daripada struktur asal covid-19 yang dijadikan asas rujukan. Justifikasi ini juga melihat perubahan yang agak abstraksi sehingga menghilangkan kadar estetika bentuk Covid-19 serta menyukarkan untuk dikenalpasti oleh responden sebagai struktur Covid-19 walaupun telah mengalami transformasi. Manakala perkembangan idea dan kadar tranformasi dari Sampel B, C dan D pula masih lagi terkawal dan relevan sebagai bentuk Covid-19. Rumusan terhadap analisis ini dapat dijadikan panduan dalam pengajaran dan pembelajaran agar melimitasikan proses pembuatan arca supaya tidak keterlaluan merubah bentuk asal sehingga mencapai tahap abstraksi yang ekstrim dan menyukarkan interpretasi terhadap bentuk dan makna dikalangan penonton.

Jadual 4: Analisis perkembangan idea dan transformasi arca miniatur

Karya pelajar	Perkembangan idea arca	Kadar transformasi bentuk arca (skor nilai hingga 100%)
Sampel A	Perubahan yang sangat ketara dan kehilangan struktur asal covid-19 yang agak ekstrim dan aplikasi corak geometrik yang teratur	>50%
Sampel B	Pengekalan bentuk sfera asal covid-19 dan bertekstur padat	30%
Sampel C	Pengekalan bentuk sfera asal covid-19, bertekstur padat dan elemen warna yang kontra	40%
Sampel D	Pengekalan bentuk sfera asal covid-19, elemen warna yang kontra dan adaptasi ready-made sebagai penambahan nilai	15%

Identifikasi Estetika

Menurut Cottfried Leibniz (1646-1716) mengemukakan bahawa estetika memberi penekanan kepada pengalaman seni sebagai suatu bentuk ilmu. Menurut Kattsoff of Philisophy (1953) estetika adalah segala sesuatu dan kajian terhadap hal-hal yang berkaitan dengan kegiatan seni. Setiap penghasilan karya seni visual tidak kira sama ada berkondisi dua dimensi (2D)

atau tiga dimensi (3D) akan menerbitkan nilai estetika tersendiri sama ada melalui pengkarya itu sendiri atau penonton yang mengapresiasi nilai estetika pada karya yang ditonton. Jadual 5 adalah rumusan terhadap nilai estetika terhadap arca miniatur pada sampel yang masih sama. Untuk mendapatkan persepsi yang berbeza, seramai 30 orang responden di kalangan layman atau orang awam dipilih secara rawak untuk membuat penilaian terhadap arca miniatur pelajar. Pemilihan layman tersebut adalah untuk mendapatkan maklumbalas yang lebih telus di kalangan masyarakat yang tiada paksi dalam seni untuk memberi komen yang membina melalui persepsi masing-masing. Hasil tinjauan ini telah didokumentasikan seperti yang tertera pada Jadual 5 dengan pelbagai huraian untuk dijadikan rumusan dan penambahbaikan di masa depan. Melalui Jadual 5 ini juga rata-rata responden tidak dapat mengidentifikasi Sampel A adalah struktur covid-19 yang telah distailisasikan berbeza dengan Sampel B, C dan D. Ini adalah kerana berkemungkinan stailisasi yang dilakukan terlalu ekstrim sehingga menghilangkan keaslian bentuk asal Covid-19. Namun Sampel A juga masih lagi mempunyai nilai estetika yang tinggi sehingga mencapai 78% melalui penilaian responden. Sampel B pula dipilih sebagai karya yang mempunyai nilai estetika yang tinggi berbanding dari sampel-sampel yang lain melalui pengolahan media yang berkesan. Di samping itu juga seluruh responden dapat mengidentifikasi Sampel B, C dan D sebagai covid-19 melalui visual arca yang dipaparkan. Hasil dari rumusan ini juga sangat berkesan dalam mencapai persepsi masyarakat di luar bidang seni demi melihat satu huraian yang luar dari kebiasaan untuk digunakan sebagai panduan pengajaran dan pembelajaran di masa akan datang.

Jadual 5: Analisis estetika dan identifikasi arca miniatur

Karya pelajar	Kadar estetika arca (skor nilai hingga 100%)	Identifikasi covid-19 (ya/tidak)
Sampel A	78%	tidak
Sampel B	88%	ya
Sampel C	70%	ya
Sampel D	75%	ya

Rumusan Kajian

Pelbagai variasi karya akhir yang lain seperti Rajah 5 menunjukkan kemampuan pelajar mengadaptasi struktur asal Covid-19 kepada olahan seni yang baru sebagai pernyataan seni. Kedapatan aspek stailisasi sesetengah pelajar mencapai hampir melebihi 50% keaslian struktur asal Covid-19 kepada visual seni yang baru. Penerokaan media dan teknik yang bersungguh juga dilihat amat berkesan terutama terhadap spike Covid-19 yang agak sukar untuk diolah semula. Arca yang berskala kecil ini sememangnya garapan baharu para pelajar yang masih hijau dalam penghasilan karya seni dan ini juga merupakan latihan dan langkah awal pelajar sebelum bergerak lebih jauh lagi untuk mendalami aspek seni yang sebenar dalam menghasilkan apa jua bentuk seni visual di masa depan.



Rajah 5: Variasi karya akhir

Kesimpulan

Pendedahan awal yang tepat kepada pelajar adalah sangat penting kerana ianya akan menjurus kepada sesuatu yang bernas dari segi disiplin penghasilan apa jua bentuk karya seni visual tidak kira sama ada dua dimensi (2D) atau tiga dimensi (3D). Teori dan praktik penghasilan karya seni arca pelajar yang masih amatir perlu digariskan sebaik yang mungkin demi menerapkan kefahaman yang lebih jitu.

Nilai struktur atau bentuk asal Covid-19 perlu didefinisikan kepada perspektif yang berbeza dan bukan hanya dilihat dari sudut sains semata-mata malah turut boleh diapresiasi dalam nilai estetika seni. Walaupun virus yang masih berlegar

ini dianggap sebagai pembunuh sepi namun nilai estetikanya perlu jua diterokai kerana legasi seni yang dipegangnya sangat unik dan dinamik. Justeru hasil dari eksperimentasi dan eksplorasi pelajar menghasilkan arca miniatur yang bertemakan Covid-19 ini adalah satu tindakan berani mengadaptasi struktur asal Covid-19 yang belum diterokai sepenuhnya sebelum ini. Setidak-tidaknya ianya memberi pendedahan awal aspek penghasilan arca melalui olahan baru dan interpretasi yang berbeza disamping melihat sejauh mana persepsi pelajar dalam melihat dan berinteraksi dengan sesuatu yang berstatus kontemporari.

Visi dan misi kajian ini lebih berlimitasi kepada karya ekperimentasi demi melihat keupayaan para pelajar menggarap sesuatu yang baru dan berbeza sebagai santapan seni. Rumusan secara kolektif dari penggiat seni dan keterlibatan masyarakat dalam memberi penilaian terhadap arca miniatur ini adalah merupakan satu yang sangat bernilai demi menambahbaik penghasilan karya seni pelajar di masa depan. Di samping itu juga objektif terhasilnya karya arca miniatur pelajar ini dapat membuka minda dan visual penggiat seni serta memberi rujukan baru agar lebih banyak karya bertemakan Covid-19 sama ada dalam bentuk seni arca kontemporari mahu pun seni berfungsi.

Rujukan

- Arca. (13 NOVEMBER, 2009). Retrieved 20 Julai 2022, from seni visual1.blogspot.com: <http://senivisual1.blogspot.com/2009/11/arca.html>
- Azmi, A. (14 APRIL, 2012). Definisi Arca Timbulan . Retrieved 20 Julai 2022, from The Cutes Blog: <http://cikguafifah.blogspot.com/2012/04/definisi-arca-timbulan.htm>
- Baharuddin Mohammad Arus. (1996). Dialog kurator tamu dalam persoalan tradisi & kemodenan: Pameran seni arca kontemporari Malaysia. Balai Seni Lukis Negara: Kuala Lumpur.
- Baverly Yong. (2003). Formative: contemporary Malaysian sculpture. Valentine Willie Fine Art: Kuala Lumpur.
- Hekkert, P. (2006). Design aesthetics: principles of pleasure in design. *Psychology Science*, 48(2), 157.
- Meen. (2020). Ketahui Maksud Endemik, Epidemik Dan Pandemik. Sinar harian Online. <https://sinarplus.sinarharian.com.my/fyi/ketahui-maksud->

endemikepidemik-dan pandemik/

- T.K Sabapathy. (1976). Tinjauan seni arca moden di Malaysia. Balai Seni Lukis Negara. United Selangor Press: Kuala Lumpur.
- UPM. (2020). Apa itu COVID-19. Covid-19 : Apa Itu Covid-19? | Sekolah Pengajian Siswazah (upm.edu.my)
- Veryzer Jr, R. W. (1993). Aesthetic response and the influence of design principles on product preferences. *Advances in Consumer Research*, 20(1).

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR